

FAQ BERKAITAN KEMASUKAN

1. Bagaimana hendak memohon kemasukan ke UPSI?

- Melalui UPU
Ambilan sesi 1 Program Diploma dan Sarjana Muda - Iklan pada Februari melalui <https://upu.moe.gov.my>
- Terus UPSI
Ambilan Sesi 2 Program Diploma dan Program Sarjana Muda - Iklan pada Oktober/ November. <https://www.upsi.edu.my/online/>

2. Apakah Syarat untuk memohon kemasukan UPSI

Calon perlu melepasi tahap minima Syarat Am dan Syarat Khas Program seperti berikut:

a) Syarat Am Kemasukan bagi Lulusan SPM ialah

SYARAT AM IPTA/ILKA

Kewarganegaraan

Hanya **Warganegara Malaysia** yang mempunyai **No. Kad Pengenalan / My Kad** sahaja yang layak mengemukakan permohonan **dan** kelayakan seperti berikut:-

Kelayakan SPM untuk kemasukan ke Universiti Awam

Diploma

Pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya **TIGA(3) kepujian termasuk Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah** dalam peperiksaan SPM.

b) Syarat Am Kemasukan bagi Lulusan STPM/Diploma/Setaraf ialah:

SYARAT AM IPTA

SPM

Memiliki **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran **Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu** dan lulus dalam mata pelajaran **Sejarah mulai tahun 2013**. Kejujian **Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu kertas Julai** diambil kira;

DAN

STPM

Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.00 dengan Gred C dalam 3 mata pelajaran termasuk Pengajian Am;

ATAU

MATRIKULASI

Lulus Matrikulasi KPM / Asasi Sains UM / Asasi UKM / Asasi UiTM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

ATAU

STAM

Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM);

ATAU

DIPLOMA (UA/POLITEKNIK)

Mempunyai kelulusan Diploma IPTA / ILKA / IPTS atau Kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti (Syarat Khas program mengikut jenis program yang ditawarkan di UA);

ATAU

MUET Mendapat sekurang-kurangnya Band 1.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 tahun 2021 atau Band 1 untuk peperiksaan sehingga tahun 2020 **mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.**

c) Syarat Khas Program adalah berbeza mengikut program dan boleh rujuk di sini:



SYARAT SARJANA MUDA



SYARAT DIPLOMA

3. Apa itu MEdSI?

Ujian Inventori Pemilihan Pendidik Malaysia [*Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI)*] ialah suatu ujian pemilihan untuk kemasukan ke Program Pengajian Pendidikan Lepas STPM/Setaraf di Institut Pengajian Tinggi Awam. Soalan dalam ujian ini adalah berbentuk psikometrik. Jumlah soalan ialah sebanyak 280 soalan yang perlu dijawab dalam masa 1 jam.

4. Bolehkah saya merayu jika tidak mendapat panggilan temu duga Program Sarjana Muda Pendidikan?

Tidak boleh. Panggilan temu duga Program Sarjana Muda Pendidikan dibuat berdasarkan skor minima ujian MEdSI.

5. Bagaimana saya boleh membuat rayuan?

Rayuan boleh dibuat melalui sistem e-rayuan sehari selepas hebahan keputusan jaya.

6. Jika saya tidak melepasi syarat minima program adakah saya boleh merayu?

Tidak boleh. Calon perlu melepasi syarat minima program yang hendak dipohon.

7. Apakah program yang boleh dipohon oleh calon Lulusan Diploma Vokasional Malaysia?

| FAKULTI | PROGRAM |
|---|--|
| FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL | IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (EKONOMI RUMAHTANGGA) DENGAN KEPUJIAN # |
| | IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SAINS PERTANIAN) DENGAN KEPUJIAN # |
| | SARJANA MUDA PENDIDIKAN (REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI) DENGAN KEPUJIAN # |
| | SARJANA MUDA PENDIDIKAN (REKA CIPTA) DENGAN KEPUJIAN # |
| FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN | IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (MUZIK) DENGAN KEPUJIAN # |
| | IJAZAH SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TEATER) DENGAN KEPUJIAN # |
| | IJAZAH SARJANA MUDA SENI PERSEMBAHAN (TARI) DENGAN KEPUJIAN # |
| FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF | IJAZAH SARJANA MUDA REKA BENTUK (PERMAINAN DIGITAL) DENGAN KEPUJIAN # |
| | IJAZAH SARJANA MUDA REKA BENTUK (PENGIKLANAN) DENGAN KEPUJIAN # |
| | IJAZAH SARJANA MUDA REKA BENTUK (ANIMASI) DENGAN KEPUJIAN # |
| FAKULTI PENGURUSAN EKONOMI | IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN DENGAN KEPUJIAN |
| | IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (PENGURUSAN SUMBER MANUSIA) DENGAN KEPUJIAN |
| | IJAZAH SARJANA MUDA PENTABIRAN PERNIAGAAN (PERKHIDMATAN KEWANGAN) DENGAN KEPUJIAN |

8. Mengapa saya tidak mendapat tawaran?

Calon tidak mendapat tawaran atas beberapa faktor seperti berikut:

- Tidak melepasi Syarat Am/Khas; atau
- Tidak diperaku temu duga/ujian khas; atau
- Maklumat permohonan tidak lengkap; atau
- Dokumen permohonan tidak lengkap; atau
- Belum Tamat Pengajian; atau
- Aktif belajar di IPTA; atau
- Kedudukan Merit yang lebih rendah berbanding calon lain

9. Berapa kadar yuran kemasukan UPSI?

Boleh lihat di sini yuran di peringkat Diploma dan Sarjana Muda



YURAN SARJANA MUDA



YURAN DIPLOMA

10. Adakah pelajar yang mendapat tawaran akan mendapat asrama?

Ya. Pelajar Semester 1 akan mendapat asrama secara automatik selepas mendaftar. Untuk semester seterusnya pelajar perlu membuat permohonan asrama dengan pihak Kolej Kediaman Pelajar.

11. Saya tidak mempunyai sijil SPM kerana mengikut bapa belajar di luar negara tapi sekarang sudah kembali ke Malaysia. Saya ingin melanjutkan pengajian di UPSI. Adakah saya berpeluang.

Boleh. Permohonan boleh dibuat secara terus ke UPSI melalui Borang Akad/421/1 beserta dokumen-dokumen yang telah disahkan. Calon hendaklah mempunyai kelayakan pendidikan formal dari luar negara yang sama seperti kelayakan masuk calon antarabangsa sebagaimana yang telah digariskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Syarat kemasukan adalah seperti calon antarabangsa dan kadar yuran adalah seperti pelajar tempatan. Syarat kemasukan antarabangsa boleh rujuk di sini <https://bhea.upsi.edu.my/wp-content/uploads/2019/12/NEW-REQUIREMENT-FOR-UNDERGRADUATE.pdf>

12. Saya sangat berminat untuk melanjutkan pengajian di UPSI, apakah tips tertentu agar permohonan saya diberi keutamaan?

- a) Bagi program bertemuduga, calon akan disusun mengikut keutamaan berdasarkan prestasi semasa sesi temu duga. Sehubungan itu, calon hendaklah cemerlang semasa sesi tersebut dengan menunjukkan keyakinan dan minat yang mendalam dalam program yang dipohon dan tidak tertakluk kepada merit.
- b) Bagi program tidak bertemuduga calon yang mestilah dalam kedudukan merit yang tinggi kerana proses pemilihan dibuat berdasarkan program yang dipilih oleh calon.
- c) Calon perlu membuat kajian populariti program di kalangan pemohon, sekiranya program tersebut sangat ramai jumlah permohonannya maka merit yang rendah sangat sukar untuk mendapat peluang.

13. Saya sangat berminat untuk menjadi guru selepas tamat pengajian. Adakah program pendidikan di UPSI membantu saya mencapai cita-cita tersebut?

Ya. Sepanjang pengajian di UPSI, pelajar diberi Kursus Profesional Pendidikan yang memenuhi keperluan dan kriteria sebagai pendidik. Walau bagaimanapun ianya tertakluk kepada temu duga yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Perguruan (SPP).

14. Adakah keistimewaan UPSI berbanding UA lain jika saya memilih UPSI untuk melanjutkan pengajian?

UPSI menekankan kecemerlangan 2A iaitu, Akademik dan Akhlak dengan menawarkan program khas yang pelbagai dan boleh dipilih oleh pelajar untuk menambah nilai diri dan diiktiraf melalui sijil-sijil yang dikeluarkan. Cthnya: Mendaftar kursus bahasa-bahasa asing atau mengikuti bengkel mutawwif.

15. Saya merupakan atlet renang di peringkat daerah. Adakah kelebihan ini memberi jaminan kepada saya mendapat tempat untuk melanjutkan pengajian di UPSI?

Tidak. Ianya tertakluk kepada keputusan akademik dan perakuan Ujian Khas yang dikendalikan oleh pihak fakulti.

16. Saya lulusan diploma daripada kolej swasta di Kuala Lumpur. Adakah saya layak memohon?

Ya. Saudara/i berada dalam Kategori E3 iaitu Diploma IPTS/ Diploma ILKA/ Luar Negara/ Lain-Lain (bagi permohonan melalui sistem UPU)

17. Saya mempunyai *Degree* dalam bidang Sains Komputeran. Saya berminat untuk menjadi guru dan ingin memohon program pendidikan yang ditawarkan di UPSI. Adakah UPSI membenarkan pemohon yang telah mempunyai *Degree* untuk memohon *Degree* kedua?

Ya. Walau bagaimanapun, calon kategori ini hanya boleh memohon bagi Sesi Ambilan Februari sahaja dan tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa yang dilantik.

18. Adakah kemudahan/ fasiliti menarik yang terdapat di UPSI?

UPSI mempunyai Kompleks Sukan yang lengkap dengan kolam renang dan bowling. Fasiliti ini terbuka kepada semua pelajar. Selain itu, kemudahan Wi-Fi yang mantap untuk menampung keperluan semua pelajar. Kemudahan bas disediakan tidak hanya kepada pelajar yang duduk di asrama tetapi juga kepada yang duduk di luar kampus (rumah sewa).

19. Adakah sesi kuliah di UPSI menggunakan dwi bahasa?

Semua sesi kuliah di UPSI menggunakan dwibahasa. UPSI mengamalkan dasar sekiranya walau ada seorang pelajar antarabangsa, kuliah akan dijalankan sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris.

20. Saya merupakan bekas pelajar salah satu UA dalam bidang terjemahan tetapi tidak dapat menamatkan pengajian atas faktor kewangan. Kini kewangan saya agak stabil dan berhasrat menyambung kembali pengajian tetapi di UPSI. Bolehkah saya memohon untuk pindah kredit bagi kursus-kursus yang saya pernah ambil di UA dahulu?

Tidak boleh. Pindah kredit hanya boleh dibuat bagi yang telah berjaya menamatkan pengajian sahaja.

21. Jika saya berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma, adakah saya boleh terus menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda di UPSI.

Boleh. UPSI ada menyediakan kategori kemasukan calon *feeder* iaitu lepasan Diploma UPSI ke Program Sarjana Muda UPSI. Walau bagaimanapun, calon kategori ini tetap perlu memenuhi tahap minima Syarat Am dan Khas program yang dipilih.

22. Saya belum mengambil MUET. Bolehkah saya memohon?

Tidak boleh. Calon akan dikategorikan sebagai tidak lepas syarat.

23. Saya telah mendaftar untuk menduduki Ujian MUET pada Mac 2020 tetapi ditunda ke Mei 2020. Adakah ini akan menyebabkan permohonan saya ditolak?

Ya. Tetapi calon masih berpeluang untuk kategori rayuan bagi program yang tidak melibatkan temu duga.

24. Saya mendapat Band 1 dalam MUET dan saya telah mendaftar semula untuk menduduki ujian tetapi keputusan masih belum diterima. Adakah saya boleh memohon untuk pengambilan September 2020 nanti?

Boleh. Tetapi calon masih berpeluang untuk kategori rayuan bagi program yang tidak melibatkan temu duga sekiranya keputusan diterima lewat daripada bulan April 2020.

25. Saya mendapat Band 5 dalam MUET dan berhasrat untuk memohon program Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) dengan Kepujian. Adakah saya perlu menduduki MUET lagi untuk memenuhi syarat bergraduasi kelak?

Tidak perlu. Ini kerana syarat kemasukan adalah Band 4 dan syarat bergraduasi ialah Band 5.

26. Saya telah mengambil Ujian MUET pada tahun 2014 yang lalu dan mendapat Band 3. Bolehkah saya menggunakan keputusan ini untuk memohon program Sarjana Muda?

Tidak boleh. Ini kerana MUET mempunyai tarikh luput iaitu 5 tahun sahaja. Calon perlu mengambil Ujian MUET semula.

27. Adakah UPSI menawarkan program DPLI@ DP untuk calon lepasan Ijazah pertama?

Ya, UPSI ada menawarkan program Diploma Pendidikan. Walau bagaimanapun, ianya adalah khas dengan kerjasama agensi dan tidak terbuka kepada umum. Contoh: calon telah dilantik menjadi guru oleh Yayasan Islam Kelantan (YIK). Pihak YIK meminta calon mengambil program DP sebelum disahkan jawatan.

28. Jika saya telah ditawarkan mengikuti pengajian di UPSI dan telah pun membayar yuran semester berkenaan, tiba-tiba jatuh sakit dan mendapat cuti sakit yang agak lama, bolehkah wang yuran tersebut dikembalikan?

Sekiranya pelajar memohon penangguhan semester atas sebab masalah kesihatan, pelajar tidak boleh menuntut semula yuran yang telah dibayar kerana jumlah yang dibayar itu akan dibawa ke semester hadapan.

29. Berapa lamakah tempoh pengajian diploma?

Tempoh pengajian diploma ialah 2 hingga 2 ½ tahun tahun bersamaan 6 atau 7 semester berbeza mengikut program.

30. Adakah UPSI memberikan peluang kepada calon-calon atlet wakil kebangsaan yang tidak melepasi kelayakan masuk minima?

Calon-calon atlet kebangsaan masih tertakluk kepada kelayakan masuk minima dengan kelonggaran kepada Ujian MUET.